

21 JAN 2004

Kedah-Maju

KEDAH DI LANDASAN KUKUH CAPAI STATUS NEGERI MAJU PADA 2010

Laporan khas oleh: Zahari Morad dan Zulkefli Salleh

ALOR STAR: Kedah, antara empat negeri termiskin di Malaysia kini berada

di landasan kukuh menuju status negeri maju menjelang 2010.

Hasil pelan induk pembangunannya yang dinamakan Kedah Maju 2010, ekonomi negeri Kedah sedang berkembang pesat dengan purata angka Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi angka peringkat nasional.

Bagi empat tahun berturut-turut, Kedah boleh berbangga dengan kadar

KDNKnya purata lima peratus, disifatkan sebagai suatu pencapaian luar biasa

bagi sebuah negeri yang dahulunya bergantung kepada pertanian sebagai teras

ekonominya, dan selepas negara terjejas oleh krisis kewangan rantau ini.

Berdasarkan kejayaan-kejayaan yang ditempa setakat ini, ternyata Kedah

Maju 2010 bukan satu slogan politik kosong yang tidak bertanggungjawab

sekadar untuk meraih sokongan rakyat.

Sesiapa pun kini tidak dapat menafikan bahawa ia merupakan satu visi

dan perancangan yang dilaksanakan dengan penuh komited dan keazaman politik

untuk membangunkan Kedah.

#### IMEJ KAMPUNG

Pencapaian pelan pembangunan itu telah meredam suara pihak-pihak yang

sebelum ini ragu-ragu ianya dapat mengeluarkan negeri itu dari imejnya

sebagai sebuah negeri "kampung".

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dalam satu wawancara khas

dengan BERNAMA baru-baru ini berkata, Kedah Maju 2010 yang diperkenalkan di

bawah pentadbirannya bukanlah tongkat sakti yang boleh memajukan negeri

Kedah dengan begitu sahaja.

Secara umum ia adalah satu pelan induk yang menjadi panduan membawa

Kedah ke arah sebuah negeri maju setanding dengan negeri-negeri lain seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Katanya, untuk memajukan Kedah, kerajaan harus ada perancangan kukuh

dan jelas supaya semua pihak yang terlibat, termasuk pegawai

kerajaan dan rakyat, memahami dan seterusnya menjadi pelaksana yang berkesan.

"Sebagai ketua eksekutif pentadbiran negeri, saya bertanggungjawab memastikan segala rancangan pembangunan dilaksanakan, dan akan menyambung tugas yang terdahulu yang telah meletakkan asas pembangunan negeri ini," jelas beliau.

#### LUBUK EMAS

Pelan induk Kedah Maju 2010 dirangka oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang, yang akhirnya merumuskan Kedah mempunyai tiga "lubuk emas" yang boleh diterokai secara agresif untuk membawa kemajuan tertinggi itu, katanya.

Ketiga-tiga "lubuk emas" itu -- bidang industri, pertanian dan pelancongan sebenarnya sudah bertapak di Kedah, tetapi lantaran tiada perancangan tersusun, ia tidak dimajukan secara selaras mengikut garis panduan tertentu.

Mengenai bidang industri, beliau berkata sektor itu dipergiatkan untuk memainkan peranan lebih besar dalam ekonomi Kedah bagi memastikan pelaksanaan pelan berjalan lancar.

Menurutnya, misi pelaburan ke luar negara, promosi dalam negara, pemberian insentif yang lebih menarik adalah antara langkah pro-aktif yang diambil untuk memikat lebih banyak pelaburan bagi memajukan kawasan industri, dengan matlamat mencapai sasaran RM1 billion pelaburan setiap tahun sehinggalah 2010.

Yang terkini ialah kejayaan kerajaan negeri menarik Syarikat Naza Motor untuk membina kilang pemasangan kenderaan penumpang Kia dari Korea Selatan di kawasan Perindustrian Gurun, dengan pelaburan RM390 juta.

#### INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI

Turut beroperasi di kawasan itu ialah Petronas Fertilizer, sebuah kilang baja yang melibatkan pelaburan berjuta ringgit milik Petronas.

Syed Razak berkata Kedah beruntung kerana sudah terdapat asas perindustrian yang dibuka sebelum ini umpamanya di Sungai Petani dan Kulim Hi-Tech Park di Kulim, kawasan industri berteknologi tinggi ala "Silicon Valley" di California, Amerika Syarikat.

Di utara Kedah pula, terdapat kawasan perindustrian Bukit Kayu

Hitam

yang di antara pelabur terkemuka di situ ialah Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd, yang mengeluarkan komponen untuk pesawat Boeing.

Beliau menjelaskan bahawa apa yang perlu dan akan dilakukan kerajaan negeri ialah memperluaskan taburan sektor perindustrian ke daerah yang masih ketinggalan untuk meninggikan taraf ekonominya.

Katanya, Sik, Baling, Padang Terap dan Pendang adalah daerah-daerah yang bakal mempunyai kawasan industri sendiri, dengan setiap satu kawasan itu memiliki keluasan 200 hingga 400 hektar.

Beliau yakin kawasan industri itu mampu memberi kesan peningkatan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan mengelak penghijrahan penduduk, katanya.

#### MAKSIMUMKAN TANAH PERTANIAN

Sebagai negeri pengeluar beras utama negara, Kedah juga tidak mengetepikan sektor pertanian kerana ia adalah sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Justeru itulah, Syed Razak berkata Kedah dirancang untuk muncul sebagai negeri Jelapang Makanan Malaysia, agar pertaniannya mampu membentuk keperluan sendiri, memenuhi pasaran nasional selain menjadi hub pengeluaran bahan makanan di rantau sebelah sini.

Selaras dengan usaha itu, katanya, kawasan tanaman kekal, pembangunan industri buah-buahan dan sayuran, tanaman bunga dan tanaman berpotensi lain kini giat diusahakan Jabatan Pertanian.

Selain itu, perusahaan ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Kedah juga giat dimajukan.

Beliau menekankan bahawa tanah pertanian akan dimaksimumkan penggunaannya untuk tanaman pelbagai jenis, bagi jangka pendek dan panjang serta tanaman komersial, yang meliputi tanaman komoditi penting seperti padi, kelapa sawit, buah-buahan dan sayuran.

"Apa yang cuba diubah menerusi pelan induk ini ialah usaha meningkatkan taraf pendapatan para petani, dan hanya satu cara melakukannya iaitu melalui pertanian komersial," jelas beliau.

Katanya, kerajaan mahu mengubah persepsi kononnya golongan petani adalah miskin dan pekerjaan orang tidak berpendidikan tinggi, justeru

itulah, kerajaan negeri amat mengalu-alukan langkah menempatkan Kolej Pertanian di Bukit Tangga di sini.

Dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup petani, Syed Razak berkata pada penghujung tahun lepas, Kerajaan pusat meluluskan peruntukan RM284.4 juta untuk membolehkan hampir 30,000 hektar kawasan tanaman padi di luar MADA (Rancangan Pengairan Pertanian Muda) diletakkan di bawah kawal selia agensi itu yang bakal membawa rahmat kepada hampir 27,000 keluarga petani.

#### PELBAGAIKAN PRODUK PELANCONGAN

Dengan keseluruhan kawasan tanaman padi di bawah pengurusan agensi sebanyak 130,000 hektar, ia dijangka dapat menambah pendapatan petani yang sebelumnya mendapat purata RM200 sebulan, kini akan menikmati pendapatan RM1,500 hingga RM2,000 sebulan.

Ini berdasarkan perkiraan kapasiti pengeluaran 10 tan bagi setiap hektar menerusi tanaman dua kali setahun di kawasan itu, yang sebelum ini hanya mampu beroperasi sekali setahun, kata Syed Razak.

Mengenai sektor pelancongan pula, beliau berkata kerajaan menggalakkan pihak swasta untuk mengeksploitasi dan mempelbagaikan produk pelancongan yang sedia ada meliputi aspek kebudayaan, pertanian, kesihatan dan pendidikan.

Mengikut statistik tidak rasmi, kemasukan pelancong ke Kedah pada tahun lepas ialah 2.1 juta. Daripada jumlah itu 60 peratus ialah pelancong yang berkunjung ke Langkawi.

Selain tiga sektor utama itu, selaras dengan dasar kerajaan pusat, sektor pendidikan, kebajikan, latihan, kesihatan, pembangunan masyarakat, belia dan sukan turut diberi penekanan dalam pelan induk itu.

"Saya sedar ada pihak-pihak tertentu mempertikaikan kemampuan negeri Kedah mencapai status negeri maju menjelang 2010, sedangkan wawasan negara pun adalah pada 2020," katanya.

"Saya bukan mahu membuktikan saya hebat hingga boleh membawa kemajuan dalam tempoh yang singkat. Jauh sekali untuk bersaing dengan pelan pembangunan negeri lain," tambah beliau.

#### CABARAN UNTUK RAKYAT KEDAH

"Sebenarnya saya meletakkan cabaran kepada pegawai negeri dan rakyat Kedah serta mahu ia menjadi "wake-up call" kepada mereka. Dengan mensasarkan tahun 2010, mereka perlu bekerja lebih keras kerana ada unsur segera. Katakanlah kita letak Kedah Maju 2030, nanti rakyat kata lambat lagi dan tidak payah kerja keras," katanya.

Beliau berkata memandangkan Kedah agak ketinggalan berbanding negeri lain, maka rakyatnya perlu gigih berusaha menggunakan masa yang ada untuk mempertingkatkan kemajuan.

Katanya, kebanyakan projek di bawah pelan induk itu telah berjalan, ada yang mencapai kemajuan sehingga 40 peratus, dan jika semua berjalan mengikut perancangan, ia akan mencapai sasaran 50 peratus menjelang 2005.

Antara projek dalam pelaksanaan ialah Bandar Diraja Anak Bukit, Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam, Bandar Baru Beris di Sik, Pembangunan Pekan Kuala Kedah, Jalan Trans- Eastern menghubungkan Padang Terap, Sik dan Baling.

"Saya bangga kerana rakyat faham dan sokong perancangan kerajaan dan yakin jika semua pihak terus beri sokongan, hasrat untuk mengangkat martabat dan taraf hidup rakyat akan tercapai," katanya lagi.

Memetik kata-kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

"Bekerjalah bersama-sama saya dan bukan bekerja untuk saya", Syed Razak yakin kerajaan negeri juga memerlukan semangat dan sikap sedemikian di kalangan setiap rakyat Kedah untuk mencapai matlamat itu.

Katanya, setelah berjaya melahirkan dua orang perdana menteri setakat ini (Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Dr Mahathir Mohamad) sudah tentu Kedah tidak ingin dianggap negeri kampung lagi.--BERNAMA

MZM ZS RR